

KEMAHIRAN MEMBACA TINGKATAN 1

BERDASARKAN BUKU TEKS BAHASA MELAYU MUKA SURAT 128, JAWAB SOALAN BERIKUT.

(UNIKNYA ISTANA SERI MENANTI)

1. Istana Lama Seri Menanti merupakan istana kebanggaan keluarga diraja _____.
2. Istana ini telah dibina oleh dua orang tukang Melayu yang bernama _____ dan _____.
3. Istana ini siap dibina pada tahun _____.
4. Keunikan seni ukiran Melayu istana ini sangat menarik dengan pelbagai motif seperti _____, _____, _____ dan bunga semantung.
5. Seni bina istana ini sangat istimewa kerana menggunakan _____ yang diperbuat daripada kayu sebagai _____ dari tiang hinggalah ke atapnya.
6. Jumlah tiang penegak istana sebanyak 99 batang melambangkan _____.
7. Istana ini telah dijadikan muzium diraja pada _____.

Istana Lama Seri Menanti merupakan istana kebanggaan keluarga diraja Negeri Sembilan Darul Khusus. Istana ini masih kukuh terpelihara dengan pelbagai ukiran yang unik. Istana empat tingkat ini telah dibina oleh dua orang tukang Melayu yang bernama Kahar dan Taib. Pembinaan istana ini bermula pada tahun 1902 dan siap pada tahun 1908.

Keunikan seni ukiran Melayu istana ini sangat menarik dengan pelbagai motif seperti lambai-lambai, awan berarak, tampuk manggis, dan bunga semantung. Seni bina istana ini sangat istimewa kerana menggunakan pasak yang diperbuat daripada kayu sebagai paku dari tiang hinggalah atapnya. Jumlah tiang penegak istana ialah 99 batang sebagai melambangkan 99 orang juak-juak hulubalang Negeri Sembilan.

Istana ini telah dijadikan muzium diraja pada 14 Julai 1992. Sejak itu, istana ini telah ditadbir oleh Jabatan Muzium Negeri Sembilan. Terdapat pelbagai sudut pameran tentang keluarga diraja Negeri Sembilan yang dipamerkan di sini. Setiap ruang istana dikekalkan seperti asal bagi menunjukkan fungsi ruang tersebut seperti kamar beradu, balai rong seri, dan galeri potret. Muzium ini sentiasa dipelihara dengan baik sebagai warisan sejarah kebudayaan Negeri Sembilan.

(Sumber: Diubah suai daripada Arkib Negara Malaysia)